

25/09/1998

Ghafar Baba akui ada maklumat kegiatan homoseks

KUALA TERENGGANU, Khamis - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Ghafar Baba, hari ini mendedahkan beliau mengetahui mengenai kegiatan homoseksual membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim sejak dua tahun lalu.

Menurutnya, perkara itu diberitahu seorang rakannya ketika mereka bermain golf. Bagaimanapun, beliau enggan memberitahu nama rakannya itu.

"Ketika itu saya tidak percaya dan menyuruhnya `shut-up' (diam). Sekarang macam mana tak nak percaya... ada orang dah mengaku," katanya kepada pemberita selepas majlis penerangan mengenai kegawatan ekonomi dan politik di Wisma Darul Iman, di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis anjuran Badan Perhubungan Umno Negeri Terengganu itu ialah Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Noor; Datuk Dr Rais Yatim; Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik; Datuk Ibrahim Ali dan Setiausaha Kerajaan Negeri; Datuk Baharuddin Ismail.

Sebelum itu, pemimpin berkenaan mengadakan majlis penerangan sama di Kelantan, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Sabah. Mereka akan ke Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selepas ini.

Ghafar mengaku beliau tidak mempunyai bukti mengenai perbuatan salah laku Anwar seperti yang didakwa rakannya itu jika diminta polis memberi keterangan.

Sebelum itu, dalam ucapannya beliau berkali-kali menegaskan tindakannya memberi penerangan mengenai tindakan Anwar, termasuk membabitkan dakwaan liwat bukan untuk membalas dendam ke atas bekas Timbalan Presiden Umno yang pernah menentangnya sehingga menyebabkannya meletak jawatan.

"Apa yang berlaku ke atas Anwar ialah salah sendiri dan tujuan saya menerangkan isu pemecatan Anwar ke seluruh negara ialah untuk menjelaskan kedudukan sebenar berhubung pelucutan jawatannya dan pemecatannya daripada Umno yang merosakkan parti," katanya.

Dalam ucapan selama sejam itu, Ghafar menjelaskan sejarah pemecatan menteri daripada Umno sejak zaman Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri sehingga Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pentingnya perpaduan ahli Umno menangani isu pemecatan Anwar dan mempertikaikan reformasi yang cuba dibawa.

Menurutnya, pemimpin Umno boleh diganti, namun perpaduan Umno perlu dipertahankan demi meneruskan kesinambungan parti memperjuangkan hak orang Melayu dan masa depan.

"Umno adalah daulat Melayu dan kita perlu memastikan Umno terus menjadi tuan di negara ini. Pemecatan menteri bukan perkara baru dalam Umno dan ia tidak harus menyebabkan perpecahan ahli," katanya.

Menjawab soalan, Ghafar berkata Umno `lebih' Islam daripada Pas dan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) kerana parti itu tidak akan mempertahankan pemimpinnya yang bermoral rendah.

(END)